



**TEKS UCAPAN
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI
PROGRAM “JAGUH JERAYA”
SEMPENA SAMBUTAN BULAN INOVASI TAHUN 2021**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021
MASA : 2.00 PETANG
TEMPAT : KOMPLEKS JPJ

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

YBrs. Tuan Norizan bin Jili,

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak

YBrs. Tuan Erick Jusiang

Timbalan Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak

Ketua-Ketua Bahagian

Wakil-wakil Agensi (Peserta)

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya maka kita dapat bersama-sama hadir untuk menjayakan Pertandingan “Jaguh Jeraya” atau nama lainnya ialah “Juara Pemandu Berhemah” sempena sambutan Bulan Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak Tahun 2021.

Petang ini merupakan kemuncak untuk kita bersama meraikan kejayaan pemenang pertandingan “Jaguh Jeraya” yang bakal diumumkan sebentar nanti. Kejayaan yang pastinya mencerminkan komitmen warga ägensi berkenaan dalam usaha untuk menjadi pengguna jalan raya yang

berhemah dan sentiasa memastikan aspek keselamatan jalan raya sentiasa menjadi keutamaan.

Saya dimaklumkan bahawa pertandingan ini julung kalinya diadakan dan dibuka kepada semua agensi kerajaan. Sebanyak 10 agensi kerajaan yang terdiri dari agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dimana melibatkan seramai 30 orang peserta telah melaksanakan aktiviti-aktiviti ditetapkan dengan jayanya.

Pertandingan ini berjaya menerapkan elemen kemahiran berfikir dan fizikal dalam mewujudkan simulasi situasi sebenar sebagai seorang pengguna jalan raya yang berhemah menerusi 6 aktiviti/tugasan yang perlu di

selesaikan oleh setiap kumpulan dan setiap aktiviti berkenaan diukur dari segi pemberian mata yang diperolehi setelah selesai melaksanakan tugas tersebut. Antara aktiviti/tugasan seperti berikut:

- Three Point Turning
- Tug Of Car (Aktiviti Menyorong Kereta)
- Theoretical Test (Ujian Undang2)
- Snake Running (S Curve @ Slolem Driving)
- Judicious Driver (Aktiviti Rutin Pemeriksaan Kenderaan)
- Pemanduan Berkesan (Simulasi Ujian Pemanduan sebenar di atas jalan raya)

Pertandingan ini dilihat unik dan selari dengan tema sambutan bulan inovasi tahun ini iaitu *Breaking through Norms*. Inovasi tidak terhad kepada penciptaan sesuatu yang baharu sahaja, tetapi ianya turut meliputi kreativiti dalam meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan terutamanya dalam mendepani keadaan di luar norma kebiasaan. Perkara inilah yang sedang kita hadapi ketika masih dalam memerangi pandemik Covid-19, inovasi dan kreativiti amat penting untuk mana-mana organisasi, syarikat atau negara agar tidak ketinggalan di dunia yang semakin mencabar. Inovasi hari ini perlu memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi. Ini selaras dengan hala tuju Revolusi Digital yang mana pelbagai produk dan perkhidmatan mengaplikasikan teknologi robotik, kemahiran komputer dan aplikasi di telefon mudah alih yang menjadi penentu kepada kejayaan

sesebuah oraganisasi tersebut dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Justeru, kita perlu membina pendekatan berdasarkan kepada perubahan ini demi memastikan kelangsungan perkhidmatan agensi agar terus dapat memenuhi ekspektasi rakyat.

Sebelum mengakhiri ucapan, sukacita saya merakamkan tahniah sekali lagi kepada semua peserta pertandingan yang telah mengikuti aktiviti pertandingan ini dengan jayanya. Semoga pengalaman yang diperolehi ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada semua dalam kehidupan seharian mahupun semasa menjalankan tugas rasmi kelak. Tahniah dan terima kasih juga diucapkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak selaku penganjur dan seluruh ahli jawatankuasa penganjur yang

telah berjaya merealisasikan program pertandingan ini dengan jayanya dan dalam masa yang sama mematuhi SOP MKN semasa yang sedang berkuatkuasa.

Akhir kata, saya sudahi ucapan saya ini dengan pantun:

**Jaguh jeraya dipertandingkan,
Pelbagai agensi memberi pandangan,
Syabas JPJ Sarawak saya ucapkan,
Atas kejayaan menganjurkan pertandingan.**

**Sawah padi luas pandangan,
Terbang burung di waktu pagi,
Terima kasih di atas undangan,
Di lain hari berjumpa lagi.**

Sekian. Wabillahitaufik wal hidayah, Wassalamualaikum w.b.t.

Terima kasih.